



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor yang yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Negeri Perak dan mempunyai Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta yang masih sah dibenarkan membuat Sebut Harga di mana tempoh sah sijil – sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup sebut harga ini serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang terkini. Butiran sebut harga adalah seperti berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PUO/SH/17/2026	Kerja Menaiktaraf Ruang Pusat Latihan Kepada Pusat Pentauliahan Berteknologi Moden Variable Refrigerant Volume (VRV) Bagi Kompetensi Pelajar Serta Kerja-kerja Berkaitan di Politeknik Ungku Omar	Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B04 / B24	21/4/2026 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)

2. Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya penama-penama yang bertauliah yang sah sahaja dibenarkan untuk menghadiri Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak. Bagi maksud ini, kontraktor – kontraktor hendaklah membawa dan mengemukakan Dokumen (Asal) dan Salinan bagi Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sijil MOF dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang terkini semasa menghadiri Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak bagi tujuan untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga. Kegagalan tuan/puan mengemukakan sijil tersebut boleh menyebabkan Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan. Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak akan diadakan seperti ketetapan seperti berikut :-

Tarikh : 14/4/2026 (Selasa)  
Masa : 09.00 pagi – 10.00 pagi (Pendaftaran)  
10.00 pagi (Jangkaan Taklimat Tapak)  
Tempat : Dataran Premier, Kampus A,  
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi,  
31400 Ipoh, Perak  
Harga : RM 10 / Borang ( Pembayaran Selepas Lawatan Tapak )  
(Pembayaran boleh dilakukan di kaunter Unit Perolehan dan Kewangan sehingga jam 4.00 petang pada tarikh 31/3/2026)  
Pegawai : En. Mohd Razif Bin Darul Aman

3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Unit Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak sebelum Tarikh Tutup Sebut Harga.
4. Politeknik Ungku Omar tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana – mana tawaran tertentu.

( DR. HAJAH SALMI BINTI CHE MEH, B.C.N. )  
Pengarah  
Politeknik Ungku Omar  
Politeknik APEX  
Ipoh, Perak  
Tarikh : 7/4/2026  
Ruj Fail : PUO/SH/17/2026

